

PM gesa umat Islam tingkatkan pendapatan

BM 2 2 SEP 2001

Oleh Johari Ibrahim
dan Hassan Omar

CHANGLUN, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, umat Islam perlu berusaha meningkatkan pendapatan supaya mampu mengeluarkan zakat yang kemudian dapat digunakan untuk membantu golongan miskin.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menyarankan penduduk memanfaatkan kemahiran, masa serta tanah untuk menambah pendapatan, seperti menanam pokok buah-buahan dan mengusahakan kraftangan.

"Saya dapati ramai yang tidak menggunakan masa dan tenaga untuk menambahkan pendapatan."

"Contohnya menanam padi, bukan sepenuh masa digunakan, banyak masa lapang... janganlah bazir-

Penduduk disaran manfaatkan kemahiran, masa dan tanah bagi meningkatkan pendapatan supaya mampu mengeluarkan zakat

kan masa lapang sebaliknya gunakanlah untuk menambah pendapatan seperti bercucuk tanam pokok buah-buahan," katanya.

Beliau berkata penduduk yang tidak mempunyai kawasan untuk menanam pokok buah-buahan pula boleh mengusahakan kraftangan yang mempunyai pasaran tinggi di kalangan pelancong.

"Permintaan untuk kraftangan di Malaysia cukup tinggi. Ramai pelancong yang datang ke negara kita hendak membeli kraftangan buatan rakyat kita sendiri.

"Saya kecewa apabila melihat ramai pelancong di sesetengah tempat membeli cenderamata bukan buatan Malaysia tetapi ada yang dibuat di Thailand, China dan Indonesia," katanya.

Beliau berkata kemahiran membuat kraftangan di kalangan orang Melayu terutama anyaman, sepatutnya diusahakan secara komersial sebagai satu perusahaan bagi menambah pendapatan.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis Amal Makruf anjuran Biro Agama Umno Bahagian Kubang Pasu dan penyerahan zakat perniagaan Bank

Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) berjumlah RM30,000 di Masjid Kampung Darat di sini, hari ini.

Seramai 300 asnaf di daerah Kubang Pasu menerima zakat itu. Dr Mahathir turut bersembahyang Jumaat di masjid berkenaan bersama kira-kira 500 jemaah serta merasmikan pusat bimbingan bagi melahirkan qari dan qariah.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Timbalan Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff; Pengerusi

Bank Rakyat, Dr Norraesah Mohammed dan Pengarah Urusan Bank Rakyat, Datuk Dr Zainul Bahrain Mohd Zin.

Dr Mahathir berkata pendapatan umat Islam yang tinggi akan menambah pungutan zakat yang boleh digunakan untuk membantu umat Islam yang benar-benar memerlukan.

"Kita hanya berfikir hendak mengeluarkan zakat, tetapi tidak dapat mengeluarkan zakat kerana tidak cukup pendapatan untuk mengeluarkan zakat.

"Sebab itu kita kena berusaha untuk meningkatkan

pendapatan supaya dapat mengeluarkan zakat," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam perlu berbangga kerana berupaya mengeluarkan zakat dan tidak hanya mengharap bantuan semata-mata.

"Kerajaan bertanggungjawab mengatasi masalah kemiskinan seperti PPR (Program Perumahan Rakyat Termiskin), tetapi kita tidak hendaklah lihat ramai rakyat yang bergantung kepada bantuan saja. Kita perlu berusaha meningkatkan pendapatan sendiri," katanya.

Sementara itu, Dr Maha-

thir mengadakan perjumpaan tertutup dengan Umno cawangan dalam Bahagian Kubang Pasu di Dewan Institut Perguruan Darul Aman (IPDA), Jitra.

Dalam perjumpaan kira-kira satu setengah jam itu, Dr Mahathir yang juga Ketua Umno Bahagian berkenaan menyampaikan amanat penting mengenai parti kepada semua ketua Umno cawangan dan AJK bahagian.

Perdana Menteri sebelum itu melancarkan Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 di Dewan Seri Nege-eri, Wisma Darul Aman di Alor Star.